

Gesa tanggung kelonggaran

Kerajaan perlu ambil kira penggunaan katil, situasi di ICU

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak terus menggesa kerajaan untuk menarik balik atau menangguhkan kelonggaran kepada individu yang lengkap divaksinasi berikutan kes harian COVID-19 yang masih tinggi.

Malah, keputusan kerajaan memberi kelonggaran kepada pengembara luar negara menjalani kuarantin di rumah umpamanya, dikatakan berisiko 'membuka pintu sempadan' kepada penularan varian yang lebih berbahaya seperti Lambda.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr M Subramaniam, berkata sebarang keputusan memberi kelong-

garan kepada penerima vaksin lengkap perlu disokong bukti saintifik dan apa juga kelonggaran perlu diberi secara adil kepada semua penerima vaksin.

"Jika keputusan kelonggaran sekatan pergerakan ini berasaskan sains, mengapa perjalanan rentas negeri hanya dibenarkan kepada individu yang mahu bertemu pasangan dan anak mereka?"

"Isunya sama ada benar-benar selamat bagi penerima dos lengkap vaksin melakukan perjalanan rentas negeri atau tidak?"

"Jika selamat, semua penerima dos lengkap vaksin perlu dibenarkan melakukan rentas negeri dan jika tidak selamat, tiada siapa pun wajar diberikan kebenaran itu," katanya dalam satu kenyataan.

Dr Subramaniam berkata, kerajaan juga tidak boleh berpandukan jumlah kes harian semata-mata dalam memutuskan kelonggaran itu, sebaliknya perlu

meneliti kriteria lebih penting iaitu penggunaan katil hospital dan situasi di unit rawatan rapi (ICU) di seluruh negara.

Pakar virologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata pengembara luar

yang lengkap divaksin, masih berisiko dijangkiti dan menularkan virus dari negara luar, sekali gus berpotensi menjadi pembawa mutasi berbahaya yang belum ada di Malaysia.

Sehubungan itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TI-DREC) itu berharap

kerajaan menangguhkan kelonggaran yang diumumkan sehingga kadar vaksinasi mencecah 80 peratus daripada populasi negara.

"Vaksin hanya mengurangkan kebarangkalian mendapat kesan jangkitan teruk, namun mereka tetap boleh dijangkiti dan membawa mutasi luar seperti Delta

Plus dari India atau Lambda dari negara Amerika Latin dan menularkannya di Malaysia.

"Setakat ini, kekalkan peraturan ketat untuk pengembara luar iaitu wajib disaring sebelum dan ketika tiba di Malaysia, dipakaikan gelang, ditempatkan di pusat kuarantin kerajaan serta perlu menjalani saringan tiga kali sebelum boleh bergerak bebas dalam negara," katanya.

Pakar epidemiologi Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, sependapat dengan Prof Dr Sazaly.

Katanya, kelonggaran itu berisiko memburukkan penularan COVID-19 serta menambah beban sistem kesihatan awam yang kini berada pada tahap kritikal.

Pakar mikrobiologi klinikal Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata pelaksanaan kuarantin wajib perlu dibuat di pusat kuarantin kerajaan bagi pengembara bagi mengurangkan risiko penularan mutasi berbahaya seperti varian Lambda yang berasal dari Peru.



M Subramaniam